

BAB 5

**Kesimpulan
dan
Cadangan**

5.0 Kesimpulan

Taukīd (توكيد) adalah salah satu topik daripada topik-topik tatabahasa Arab. Dalam bahasa Melayu taukīd diterjemahkan dengan "*pengukuhan*" atau "*penguat*" kerana kehadirannya dalam ayat adalah untuk menguat atau memperkukuhkan makna ayat.

Taukīd dibahas dengan panjang lebar oleh ahli nahu Arab dan ahli retorik, walaupun perbahasan berkisar dalam satu tajuk tetapi terdapat sedikit perbezaan pandangan di antara dua aliran ini berkaitan dengan uslūb pengukuhan. Pandangan ahli retorik lebih luas jika dibandingkan dengan huraian yang dikemukakan oleh ahli nahu Arab dalam masalah ini. Oleh sebab itu ahli retorik menerima semua pendapat ahli nahu dalam apa jua pun bentuk berkaitan dengan uslūb taukīd, tetapi sebahagian pandangan ahli retorik yang berkaitan dengan uslūb pengukuhan tidak dikategorikan oleh ahli nahu dalam bidang pengukuhan.

Dalam rentetan ujaran, taukīd mempunyai beberapa tujuan apabila diimbuhkan dalam ayat tetapi kebanyakannya adalah digunakan untuk :

- (a). Menghilangkan keraguan atau meyakinkan pendengar terhadap ujaran yang diujarkan.
- (b). Memastikan bahawa perkataan yang dikukuhkan adalah hakikat (makna sebenar)

- (c). Menguat atau mengukuhkan kandungan ayat
- (d). Menampakkan keistimewaan uslūb al-Qur'an

Taukīd boleh juga diistilahkan dengan takrar (تَكَرَّر) iaitu *pengulangan*.

Para ahli nahu menggunakan kedua-dua istilah ini tetapi yang masyhur di kalangan mereka ialah perkataan taukīd.

Dalam kajian ini taukīd yang dibincang adalah taukīd dari pandangan ahli nahu yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Pendapat ahli retorik dikemukakan mengikut keperluan atau untuk menguatkan hujah sahaja.

Uslūb taukīd yang terdapat dalam kajian ini terbahagi kepada tiga genus, iaitu :

(i). Taukīd lafaz

Taukīd lafaz atau pengukuhan lafaz ialah mengulang perkataan yang terdahulu (mua'kkad), sama ada dengan mengulang perkataan mua'kkad itu sendiri atau mengulang dengan sinonimnya.

Pengulangan lafaz yang terdapat dalam surah al-Baqarah terdiri daripada lima genus, iaitu pengulangan kata nama, ayat kerjaan, kata ganti nama, pengulangan kata kerja dengan kata nama dan pengulang partikel.

(b). Taukīd makna

Taukīd makna ialah pengukuhan dari segi diri (benda / orang) dan cakupan semuanya untuk mengelakkan keraguan.

Taukīd makna terbahagi kepada pengukuhan relatif dan pengukuhan global. Pengulangan relatif (توكيد النسبة) iaitu perkataan khusus yang digunakan untuk pengukuhan benda yang konkrit dan abstrak. Perkataan yang digunakan ialah (نَفْسٌ) dan (عَنَ). Pengukuhan relatif ini boleh digunakan untuk kata tunggal, duaan dan jamak.

Pengukuhan global terbahagi kepada dua, iaitu pengukuhan global duaan dan pengukuhan global jamak. Pengukuhan global duaan menggunakan perkataan khusus iaitu (كِلَا) dan (كِلْتَا). Pengulangan global jamak juga menggunakan perkataan khusus yang terdiri dari dua jenis iaitu asal dan cabang. Pengukuhan global asal iaitu (كُلُّ), (جَمْعٌ) dan (عَامَّةٌ). Pengukuhan cabang ialah (أَجْمَعُونَ), (جَمْعَاءُ), (أَجْمَعٌ) dan (جَمْعٌ).

Pengulangan makna yang terdapat dalam surah al-Baqarah hanya pengulangan global sahaja, dan pengulangan ini terbahagi kepada dua :

(a). Disepakati oleh ahli-ahli nahu kerana memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pengukuhan yang menepati syarat-syarat ahli nahu terdiri daripada (كُلُّ) dan (أَجْمَعُونَ).

(b). Bercanggah pendapat dikalangan ahli nahu tentang penggunaan kata pengukuhan (جَمِيعًا) kerana tidak memenuhi syarat-syarat pengukuhan makna.

(iii) **Taukīd** dengan partikel

Partikel pengukuhan yang terdapat dalam surah al-Baqarah terbagi kepada dua :

- (a). Berfungsi dan bermakna
- (b). Tambahan (*zāidat*)

Keistimewaan *uslūb taukīd* dengan partikel dalam surah ini ialah terdapat satu ayat diimbuhkan dengan beberapa partikel *taukīd* tetapi ayat tersebut tetap mudah diujar dan indah dengar, di antara ayat tersebut adalah seperti berikut :

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ

Maksudnya : " Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan".⁽¹⁾

Ayat ini diperkukuhkan dengan empat partikel pengukuhan iaitu *alā* (*أَلَا*), *inna* (*إِنَّ*), *ḍamīr al-Faṣl* (*ضَمِيرُ الْفَصْلِ*) dan mengkhususkan predikat (*تعريف*) (*أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ*) iaitu perkataan (*الْمُفْسِدُونَ*).

Ayat di atas ini adalah di antara keunikan *uslūb pengukuhan* yang diketengahkan oleh al-Qur'an yang tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain.

1. Surah al-Baqarah 2: 12

5.1 Cadangan

Setelah penulis melihat uslūb al-Taukīd dalam surah al-Baqarah, ia bukan sahaja di antara laras-laras bahasa Arab tetapi juga merupakan sebahagian dari keunikan dan keindahan bahasa al-Qur'an. Justeru itu para sarjana perlu mengupas uslūb al-Taukīd dalam semua surah al-Qur'an seperti pengimbuhan dengan partikel inna (**إِنَّا**) dan anna (**أَنَّ**) yang begitu banyak digunakan dalam al-Qur'an. Penggunaan dua partikel ini sudah tentu mempunyai hikmah dan rahsia yang perlu dikoreksi dengan lebih mendetil.

Warga pendidik juga perlu mendedahkan kepada pelajar tentang penggunaan uslūb al-Taukīd yang betul serta menjelaskan kepentingan mempelajari dan menguasainya, kerana banyak terdapat di kalangan pelajar yang hafal bab taukīd tetapi mereka tidak ada kemahiran mengguna dan tidak mengetahui kepentingannya. Banyak teknik penyampaian yang boleh digunakan untuk menghidangkan pengajaran taukīd kepada pelajar, di antaranya ialah :

(a). Pelajar peringkat menengah

Pelajar di peringkat ini, pengajaran taukīd harus diperbanyakkan latihan tubi yang merangkumi latihan percakapan (**muḥadathat**) dan penulisan. Latihan percakapan harus dilakukan semasa pelajar berada di dalam dan di luar bilik kelas. Latihan penulisan pula boleh menggunakan strategi berikut :

- (1). Mengisi tempat-tempat kosong dengan partikel pengukuhan
- (2). Membina ayat-ayat taukīd
- (3). Membezakan ayat-ayat taukīd dengan ayat-ayat bukan taukīd

(b). Peringkat universiti

Pelajar di peringkat ini, pengajaran taukīd harus banyak memberi tugas kepada pelajar dalam mengkaji, menganalisis dan menyelidik setiap uslūb dan partikel taukīd. Untuk merealisasi program ini, pelajar hendaklah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang tidak melebihi tiga orang, supaya setiap anggota kumpulan betul-betul mengambil bahagian. Hasil kajian dari setiap kumpulan hendaklah dibentang dalam kelas untuk dibincang oleh semua pelajar dan diberi pembetulan oleh pensyarah jika ada fakta yang kurang tepat dan jelas.

Kewajipan mempelajari uslūb al-Taukīd adalah kewajipan setiap individu muslim kerana ia adalah sebahagian dari sitil bahasa al-Qur'an yang menjadi lambang kemegahan dan keagungan umat Islam.